

17/02/2003

Padang universiti harus dibuka kepada belia

Raja Ahmad Zainuddin

DIHARAP perbezaan pendapat Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun

Hussein dengan Majlis Sukan Negara (MSM) mengenai cadangan pemberian bantuan kewangan berdasarkan sistem merit tidak menjejaskan penjanaaan sukan negara.

Ia juga diharap tidak akan mengelirukan persatuan-persatuan sukan terutama yang di peringkat akar umbi. Apa pun diharap juga tidak akan berlaku sebarang keretakan hubungan di antara kedua institusi tertinggi itu.

Hishammuddin sudah pasti lebih arif sebagai salah seorang penggubal dasar kerajaan mengenai kaedah yang lebih praktikal untuk diamalkan.

Bagi beliau, cara yang dicadangkan oleh MSN itu jika diguna pakai dalam

pemberian bantuan kewangan kepada atlit dan persatuan sukan mungkin tidak

seorang atau tiada satu pun persatuan yang bakal menerimanya.

Hishammuddin juga berpendapat, jika sistem merit dipergunakan apakah tahap pencapaian atau sasaran atlit yang akan ditetapkan? Di sini, jelas beliau dapat melihat kelemahan yang barangkali akan dihadapi oleh atlit dan persatuan yang mereka wakili di dalam menentukan sasaran atau dalam lain-lain perkataan kebimbangan jika mereka berada di dalam tekanan.

Justeru, pemberian elaun atau kewangan kepada atlit berdasarkan merit hanya bersesuaian kepada kejohanan peringkat rendah, seperti yang diperjelaskan oleh beliau.

MSN pula dalam hujahnya menuntut dua elemen daripada atlit tanah air iaitu kekuatan minda dan sasaran, andainya mahu terus kekal menikmati elaun dan peluang latihan bertaraf dunia sehingga musim 2006.

Pada masa yang sama, badan itu tidak mahu golongan itu menagih bantuan tanpa menunjukkan sebarang keputusan terpuji di pentas antarabangsa sehingga dilabel sebagai kumpulan peminta subsidi.

Oleh itu, diharap ketelusan Hishamuddin bahawa kementeriannya hanya mempunyai peruntukan kewangan yang terhad dan tidak mungkin boleh menanggung selamanya atlit kebangsaan, perlulah dilihat oleh setiap persatuan yang terbabit sebagai loceng kecemasan untuk menggerakkan mereka

agar segera bangun dari lamunan untuk mencari sumber kewangan sendiri.

Dalam hubungan ini, saya rasakan sudah tiba masanya juga menteri berkenaan memikirkan betapa peruntukan yang sedia ada bukan saja kecil, tetapi mencari jalan untuk meyakinkan lagi kerajaan bagi tambahan di dalam

bajet yang akan datang.

Dengan kadar RM10 untuk membiayai seorang belia sedangkan kos perbelanjaan hidup sekarang mungkin sekitar RM 100 jika mereka tinggal di

kota, tidak mungkin kita boleh mengatasi masalah sosial di kalangan remaja.

Oleh itu, bagaimana agaknya kementerian boleh mengadakan kursus atau seminar jati diri jika peruntukan yang disediakan begitu kecil sedangkan

kumpulan sasaran melebihi dari bilangannya. Di sini, saya sekali lagi merasakan sudah tiba masanya kita melihat betapa peruntukan untuk Kementerian ini juga perlu ditambah kerana tidak mungkin minda belia boleh

kita perbetulkan jika masalah yang sedia ada tidak segera diatasi.

Sebab itu juga agak menghairankan jika ada pejabat-pejabat belia di daerah seperti yang dilaporkan kepada saya turut menagih simpati daripada

wakil-wakil rakyat untuk menjalankan kegiatan mereka. Jika ini berlaku di

manakah fungsi sebenar Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan MSN jika jersi pun perlu dipohon daripada pihak lain.

Walaupun, kes-kes seperti ini adalah terpinggir, tetapi kesannya boleh juga menjejaskan usaha kementerian dan majlis sukan untuk meyakinkan belia di dalam konteks membangunkan mereka.

Seorang timbalan menteri meluahkan kepada saya betapa di dalam keghairahan kementerian mendirikan kompleks sukan moden, tetapi masih ada

anak-anak muda yang kepingin (minat) bermain bola terpaksa menggunakan kawasan lapang kilang-kilang yang di tinggalkan bagi mencapai hasrat mereka walaupun ia sekadar sekangkang kera.

Saya juga berasa sudah tiba masanya MSN melihat tempat atau ruang lain bagi membolehkan remaja kita mengadakan kegiatan sukan. Dalam hubungan ini, kenapa tidak dipohon kebenaran pusat pengajian tinggi agar membenarkan tempat mereka digunakan mana-mana persatuan sukan atau remaja

kita daripada ia dikatakan tidak dipergunakan sepenuhnya.

Atau tempat ini dijadikan suatu hari sebagai tempat terbuka bagi hari-hari tertentu bagi remaja yang memerlukan gelanggang berlatih, tetapi menghadapi kesulitan berbuat demikian.

Jika pihak pengurusan ini diajak berunding saya yakin mereka boleh membenarkannya. Saya masih ingat, Universiti Putera Malaysia (UPM) di Serdang sebagai contoh bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak jika tempat mereka ingin dipergunakan bagi tujuan bersukan.

Disebabkan masalah tempat ini jugalah, saya telah mengambil kesempatan di dalam peruntukan yang diberi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang juga Menteri Kewangan, sebahagian daripadanya digunakan untuk mendirikan bangunan dewan serba guna, menaik taraf padang

kepada mini stadium dan memagar padang-padang bagi sesuatu pertandingan di

kawasan Parlimen saya.

Jika ini tidak dilakukan saya bimbang, kesulitan mendapatkan tempat untuk latihan kepada belia kita akan berterusan kerana padang sekolah bukan saja semakin kecil bahkan ada juga tidak kelihatan lagi kerana terpaksa diberi laluan kepada pembinaan bangunan tambahan.

Kadang-kadang kala rasa terkilan juga ada kerana anak-anak muda di kampung-kampung terpaksa bermain bola di dalam kawasan bendang kerana masalah tiada padang. Jika pun ada, kos untuk mendirikan sebuah padang paling rendah ialah RM 50,000 tidak termasuk meratakannya lagi.

Oleh itu, diharap pengurusan kompleks sukan yang didirikan oleh kerajaan

di setengah-tengah tempat dapat dipertimbangkan kadar bayaran yang berpatutan kepada badan-badan sukan daerah menggunakannya bagi tujuan

mengembangkan lagi kegiatan mereka untuk tujuan melahirkan bakat-bakat baru.